

0170

R B474 D E B  
MAHATHIR - RAGUNATHAN

**KUALA LUMPUR, JULAI 8 (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMUJI CARA KEPIMPINAN PRESIDEN CUEPACS A. RAGUNATHAN, YANG AKAN BERSARA DARIPADA PERKHIDMATAN AWAM MULAI 19 JULAI INI.**

**PERDANA MENTERI BERKATA ENCIK RAGUNATHAN TELAH BERJAYA MEMIMPIN KONGRES ITU KE ARAH MENJALINKAN HUBUNGAN YANG BAIK DENGAN KERAJAAN YANG MEMBERI MANFAAT KEPADA KEDUA-DUA PIHAK.**

**KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KONVENSYEN PERWAKILAN CUEPACS DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUCAPKAN SELAMAT BERSARA KEPADA ENCIK RAGUNATHAN? SEORANG JURUTEKNIK DI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN.**

**DALAM MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN ITU, ENCIK RAGUNATHAN DIKURNIAI MEDAL EMAS OLEH CUEPACS KERANA SUMBANGANNYA KEPADA KONGRES ITU. BELIAU MENJADI PRESIDEN SEJAK BULAN MAC, 1 9 8 6 .**

**PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP ENCIK RAGUNATHAN DAPAT MENERUSKAN SUMBANGANNYA KEPADA MASYARAKAT WALAUPUN SELEPAS BERSARA NANTI.**

**ENCIK RAGUNATHAN, KETIKA DITANYA MENGENAI PUJIAN PERDANA MENTERI ITU, BERKATA BELIAU BERGEMBIRA KERANA CARA KEPIMPINAN BELIAU DIHARGAI OLEH KERAJAAN. -- BERNAMA.**

1732MST 0 8 0 7 89